

# Perhimpunan lulus semua 13 resolusi dibentangkan

**P**ERHIMPUNAN Agung MIC Ke-60 semalam meluluskan semua 13 resolusi yang dibentangkan, rata-rata memberi penekanan khusus terhadap menghapuskan kadar kemiskinan tegar menerusi pelbagai program pembangunan untuk mempertingkatkan tahap sosioekonomi mereka masyarakat India.

Antara lain, resolusi terbit menggesa kerajaan membuka lebih banyak peluang pekerjaan atau menawarkan kursus kemahiran untuk remaja India sebagai langkah memastikan mereka tidak terjebak dalam kancah jenayah dan seterusnya menjadi beban kepada negara.

Resolusi kali ini didahului dengan sokongan terhadap kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu selain memberi jaminan MIC akan me-

BA-267672006  
mainkan peranannya menjayakan pelaksanaan semua agenda pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Turut diberi penekanan ialah usaha terhadap mengukuhkan perpaduan kaum dan saranan diwujudkan indeks perpaduan kebangsaan serta meningkatkan tahap ekuiti selain memperbanyakkan pembabitan masyarakat dalam bidang keusahawanan dan peluang kerja sektor awam.

† MIC juga menghargai hasil penyiasatan Suruhanjaya Penambahbaikan Operasi dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia kerana memberi pertimbangan sewajarnya isu pencabulan kuasa polis dan orang ramai yang menjadi mangsa salah laku pihak polis.

Sehubungan itu, MIC meminta kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa pemantau khusus bagi membanteras kes salah guna kuasa di kalangan anggota polis.